

U 8407 A A B
MAHATHIR - BERSATU
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 9.30 MALAMINI)

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TEMA +BERSATU+ BAGISAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN INI SEHARUSNYA DIJADIKAN ASAS OLEH SEMUA GOLONGAN DAN PERINGKAT UMUR DI NEGARA INI DALAM SEGALA TINDAKAN DAN KEGIATAN MEREKA.

HASYARAKAT ANTARABANGSA TXDAK AKAN MENGHORMATI MALAYSIA KALAU IA SIBUK BERTELAGAH DAN BERPECAHBELAH SEBALIKNYA NEGARA AKAN DISEGANI DAN PANDANGANNYA DITELITI JIKA MASYARAKATNYA BERSATU DAN BEKERJASAMA, KATANYA.

DALAM PERUTUSAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN YANG DISIARKAN MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIAMALAMINI, BELIAU BERKATA DALAM ARENA POLITIK ANTARABANGSA, MARUAH YANG TINGGI YANG DIUKUR MELALUI KESTABILAN POLITIK SESBUAH NEGARA ADALAH SATU PERKARA YANG DIUTAMAKAN.

OLEH ITU, KATANYA, SEKOLAH-SEKOLAH, PUSAT PENGAJIAN TINGGI, AGENSI AWAM, SWASTA DAN SEMUA GOLONGAN DI NEGARA INI HARUS MENJADIKAN TEMA ITU SEBAGAI ASAS DALAM TINDAKAN DAN KEGIATAN MEREKA SEPANJANG MASA.

+SAMA ADA NEGARA, MASYARAKAT, PERTUBUHAN, PARTI POLITIK, PASUKAN SUKAN ATAU APA JUA KUMPULAN, WUJUDNYA UNSUR BERSATU AKAN MENENANGKAN HUBUNGAN ANTARA INDIVIDU YANG MANGANGGOTAINYA+. -- LAGI.

1706MST 30 08 89

U 8409 A A B
MAHATHIR - BERSATU 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN TEMA +BERSATU+ DIULANGI TAHUN INI KERANA KERAJAAN MENGUTAMAKAN PERPADUAN RAKYAT DAN INGIN MENYEDARKAN RAKYAT BETAPA PENTINGNYA MEREKA BERSATU UNTUK MENEMPA KEAMANAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA.

KATANYA UNSUR BERSATU JUGA DIBERI PENEKANAN MELALUI DASAR-DASAR KERAJAAN TERMASUK DASAREKONOMI BARU DAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN.

+DIMANA JUA DALAM MASYARAKAT, PERBEZAAN YANG KETARA DALAM KEDUDUKAN EKONOMI, POLITIK DAN SOSIAL MEMBAWA KEPADA PERPECAHAAN DAN RUSUHAN+, KATANYA DAN MENAMBAH: +PERBEZAAN ANTARA YANG KAYA DAN MISKIN, WALAUPUN SESAMAKAUM, BIASANYA AKAN MEMBAWA KEPADA PERPECAHAN DAN PEMBERONTAKAN+.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYOROTI PERISTIWA 13 MEI 1969 YANG BERPUNCA DARIPADA RUSUHAN KAUM DAN MENYEBABKAN BANYAK KELUARGA KEHILANGAN NYAWA, MENGALAMI KECEDERAAN, KETAKUTAN DAN KESUSAHAN.

+WALAUPUNKITA INGIN HELUPAKAN PERINTIWA HITAMINI, KITA TIDAK HARUS LUPA PENGAJARAN DARIPADANYA. MALANGNYA SEMAKIN RAMAI GOLONGAN DELIA YANG TIDAK MENGALAMI PERISTIWA ITU TIDAK DAPAT MEMAHAMIBETAPA BURUKNYA KESAN DARIPADA KEJADIAN ITU+, KATANYA. -- LAGI.

1713MST 30 08 89

U B410 AAB
MAHATHIR - BERSATU 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

OLEH ITU, **PERDANA** MENTERI BERKATA KERAJAAN BERPENDAPAT SESUAILAH MASYARAKAT DIINGATKAN AKAN PENTINGNYA UNSUR BERSATU DAN PERPADUAN DI KALANGAN MEREKA.

+**BANYAK** MASA AKAN DAPAT DITUMPUKAN UNTUK KEBAJIKAN DAN KEBAIKAN MASYARAKAT SEKIRANYA TIDAK TERDAPAT SEBARANG **PERPECAHAN+**.

BELIAU TURUT HENGGATKAN **TENTANG** PENTINGNYA UNSUR BERSATU **ITU** DALAM ASPEK PERTAHANAN DAN KESELAMATAN NEGARA.

KATANYA, JIKA MASYARAKAT TIDAK **BERSATU**, NEGARA **MUDAH** DIMUSNAHKAN OLEH MASALAH-MASALAH DALAMAN YANG **MUNGKIN** DIGEMBAR-GEMBUR SERTA DIAPI-APIKAN OLEH MUSUH LUAR YANG **MENGAMBIL KESEMPATAN MELUMPUHKAN NEGARA**.

DATUK SERI **DR MAHATHIR** MENEGASKAN **BAHAWA** KEMUNGKINAN-KEMUNGKINAN **ITU** JIKA TIDAK DIAWASI AKAN **MENGURANG** DAN MENJEJASKAN KEMERDEKAAN NEGARA DAN MALAYSIA **MUNGKIN** DIJAJAH SEMULA SEKIRANYA MASYARAKAT TERUS LALAI.

PENJAJAHAN ITU TIDAK SEMESTINYA BERBENTUK PENAKLUKAN NEGARA **TETAPI MUNGKIN** BERBENTUK PENJAJAHAN EKONOMI ATAU **SOSIAL**, KATANYA. -- LAGI.

1715MST 30 08 89

D933

U B411 AAB
MAHATHIR - BERSATU 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MEMBERI CONTOH **BAGAIMANA** BEBERAPA NEGARA YANG TIDAK DAPAT **HIDUPTANPA** BERSANDARKAN NEGARA-NEGARA TERTENTU YANG SEBALIKNYA MENGGUNAKAN BANTUAN ITU **BAGI** KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI SEHINGGA AKHIRNYA KERAJAAN YANG DIBANTU DIJADIKAN KERAJAAN BONEKA.

PERDANA MENTERI MENYERU RAKYAT SEMUA KAUM SUPAYA MENGHARGAI KEMERDEKAAN NEGARA DAN TERUS BERUSAHA MEMAJUKAN NEGARA DALAM SEMUA ASPEK.

+UNTUK TUJUAN INI **KITA** PERLU **KEPADA** SUASANA YANG TENANG DAN ELAKKAN DARIPADA MELAKUKAN SEBARANG KEGIATAN YANG BOLEH MENGANCAM PERPADUAN **KITA+**, KATANYA.

DATUK SERI **DR MAHATHIR** TURUT MENGAITKAN KEJAYAAN AHLI-AHLI SUKAN NEGARA DALAM SUKAN SEA XV **ATAS** SEMANGAT KEKITAAN DAN PERPADUAN YANG WUJUD **DI** KALANGAN MEREKA.

SAMBIL MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA MEREKA, BELIAU BERKATA MEREKA TELAH **MENGHARUMKAN** NEGARA BUKAN SAHAJA DALAM ARENA SUKAN TETAPI TELAH MENUNJUKKAN SEMANGAT PERPADUAN YANG NYATA **WALAU PUN** MEREKA **PELBAGAI** KAUM.

+SEMANGAT KEMALAYSIAAN YANG DITUNJUKKAN OLEH **AHLI-AHLI** SUKAN **KITA** DAN PERPADUAN ERAT ANTARA MEREKA SEJAK **BERLATIH HINGGALAH** KE MASA **PERTANDINGAN**, MENGGAMBARAKAN PERPADUAN YANG **KITA** IDAMI+, KATANYA. -- BERNAMA.

1717MST 30 08 89

0000